



PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Aras 3, Podium 1, Wisma Sumber Asli

No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4

62574 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8871 2603 Faks : 03-8889 3855 Web : www.jkptg.gov.my

Ruj. Tuan : (46)d/m.JKR/CKS(PKS)/030.050/JLD.2

Ruj. Kami : JKPTG – 600/300-1/7 (4)

Tarikh : 1 Syaaban 1437

16 Mei 2016



Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK)

Pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya,

Ibu Pejabat JKR Malaysia,

Jalan Sultan Salahuddin,

50582 Kuala Lumpur

Tuan,

PENAMBAHBAIKAN KUASA MELULUS PEROBOHAN STRUKTUR BINAAN DAN PELUPUSAN KOMPONEN BINAAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat jabatan ini rujukan JKPTG/101/704/18/15-36 bertarikh 10 Ogos 2015 adalah berkaitan.

2. Jabatan ini bersetuju untuk memperturunkan kuasa melulus bagi tujuan meroboh/musnah segala struktur binaan di atas tanah persekutuan kepada Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia. Sukacita dinyatakan bahawa segala prosedur pelupusan melalui kaedah roboh/musnah bagi struktur binaan yang ditetapkan di dalam Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan, Bab G – Pelupusan Aset adalah masih berkuatkuasa kecuali pindaan kepada perkara yang menyentuh mengenai kelulusan meroboh seperti yang dinyatakan di atas.

3. Pejabat ini juga mengambil maklum, komponen binaan seperti sistem lif, sistem pendingin udara, set generator, sistem perpaipan, tangki air dan sebagainya yang terdapat pada suatu blok atau premis telah ditakrifkan sebagai aset tak alih berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 : Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan, Bab G – Pelupusan Aset. Sebagaimana yang telah sedia maklum salah satu takrifan tanah mengikut Akta Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965) adalah "segala benda yang bercantum kepada bumi atau yang terpasang dengan kekal kepada apa-apa benda yang bercantum kepada bumi, sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi". Sehubungan dengan itu, takrifan ini juga merujuk kepada komponen binaan seperti yang tersebut di atas.

4. Oleh yang demikian, bagi pelupusan komponen binaan pula, jabatan ini **bersetuju supaya Pegawai Pengawal Kementerian/ Jabatan/ Agensi melaksanakan** pelupusan aset di bawah kawalan masing-masing mengikut Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan, Bab G – Pelupusan Aset.

5. Berdasarkan pindaan tersebut, maka surat Jabatan ini bernombor rujukan JKPTG/101/704/18/15-36 bertarikh 10 Ogos 2015 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(DATO' DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK)
Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

s.k. :

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia,
Bahagian Pengurusan Aset Awam,
Tingkat 4, Blok Selatan,
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2,
62592 Putrajaya.
(u.p.: Tuan Romli Bin Dai)